

28/01/1998

Minat pada MSC berterusan

M Azlan Jaafar

SUASANA muram pasaran modal, kecairan terhad pasaran kewangan serta jangkaan kelembapan ekonomi yang melanda negara tidak mengekang minat syarikat asing dan tempatan dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata banyak syarikat sudah menyatakan hasrat untuk memindahkan operasi serta mengambil bahagian dalam MSC.

Katanya, tanda yang diterima dari individu dalam industri menunjukkan mereka bercadang memindahkan operasi dari negara lain ke MSC.

"Orang yang melawat Cyberjaya mendapati ia lokasi menarik dan sesuai dengan aktiviti yang bakal dijalankan di MSC. Projek itu berjaya disiapkan lebih awal dengan Cyberjaya dibangunkan dalam tempoh enam bulan", katanya.

Menurut Dr Mahathir, program yang dirancang bagi tahun 1999 hampir disiapkan dan pada akhir tahun 1998, kebanyakan komponen penting akan ditempatkan.

"Tumpuan pihak kerajaan ialah melengkapkan MSC dengan semua infrastruktur asas yang diperlukan. Undang-undang Siber sudah ditentukan dan semua rancangan itu terbukti berkesan," katanya selepas Mesyuarat Majlis Pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) di Sepang, Selangor, minggu lalu.

Dipengerusi oleh beliau, persidangan ke empat itu membincang serta mengkaji perkembangan semasa projek MSC.

Ia turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak serta semua ahli majlis penasihat MSC.

Dr Mahathir yang juga pengerusi Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan, berkata keputusan yang dicapai di dalam mesyuarat itu akan menjadikan MSC lebih menarik berbanding insentif yang disediakan di negara lain. Selain itu, syarikat yang bergiat di MSC akan mempunyai akses sepenuhnya kepada Internet serta kemudahan lain seperti visa kemasukan berulang kali.

Mengenai pembiayaan MSC, Dr Mahathir berkata projek itu diberi keutamaan kepada dana dan dijangka tidak menghadapi masalah dalam mendapat pembiayaan.

"Keseluruhan projek MSC dikategorikan sebagai sektor produktif kerana ia berupaya menjana kemasukan dana luar," tambah beliau.

Ketika ini terdapat 76 syarikat bertaraf MSC beroperasi di Lembah Klang. Sebanyak 50 syarikat dijangka memulakan operasi mereka di Cyberjaya sebelum hujung tahun.

Jumlah pelaburan keseluruhan syarikat dalam MSC bagi tempoh lima tahun akan datang mencapai RM4 bilion dengan nisbah perolehan tiga kepada satu.

Ini bermakna jika syarikat melabur RM1 juta, mereka berupaya menjana perolehan bernilai RM3 juta. Nisbah itu dicapai berdasar rancangan perniagaan dan jangkaan syarikat.

Dua syarikat tempatan, Datek Sdn dan Infotech Sdn Bhd yang beroperasi secara serantau mendapat perolehan tukaran wang asing yang agak besar dan menjangkau jangkaan perniagaan.

(END)